

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 (51)



SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 8 TAHUN 2024

DASAR DAN GARIS PANDUAN PERUNDINGAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pejabat Bendahari

2 Mei 2024

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 (51)

2 Mei 2024

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 8/2024

DASAR DAN GARIS PANDUAN PERUNDINGAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang Dasar dan Garis Panduan Perundingan Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Perkhidmatan Perundingan UTeM merupakan salah satu aktiviti untuk menjana pendapatan Universiti.

2.2 Selain itu, ia juga penting kerana dapat menjalinkan hubungan yang erat antara Universiti dengan industri serta kesefahaman yang boleh diwujudkan melalui hubungan kerjasama pintar kedua-dua pihak kerana antara misi UTeM adalah menjana pembangunan lestari bersama industri dan komuniti.

2.3 Segala projek perundingan UTeM, sama ada melalui pengurusan Universiti atau Anak Syarikat UTeM adalah didaftarkan di Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka.

2.4 Aktiviti-aktiviti perundingan telah dipergiatkan di kalangan staf UTeM dan ia telah menyumbang kepada penjanaan pendapatan Universiti.

- 2.5 Pada masa yang sama, bagi menggalakkan lebih banyak aktiviti perundingan, Dasar serta Garis Panduan kerja perundingan sedia ada iaitu Garis Panduan Perundingan UTeM (Surat Pekeliling Kewangan Bil. 4/2022) telah ditambahbaik dengan maklumat berhubung kadar bayaran pengurusan, proses permohonan perundingan serta pelaksanaan perkhidmatan perundingan.
- 2.6 Dasar dan Garis Panduan ini telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 3/2024 pada 19 Mac 2024 dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bilangan 3/2024 pada 28 Mac 2024.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Objektif Dasar dan Garis Panduan ini disediakan adalah untuk:
- 3.1.1 Anak Syarikat UTeM merupakan sebuah entiti *Strategic Business Unit* (SBU) universiti yang dilihat sesuai dalam menguruskan aktiviti penjana pendapatan memandangkan ianya bergerak di bawah Akta Syarikat.
 - 3.1.2 Menjadi dokumen rujukan dalam pengurusan semua projek perundingan di Universiti.
 - 3.1.3 Menggalakkan staf Universiti melibatkan diri dalam projek perundingan melalui tatacara dan proses pelaksanaan yang jelas.
 - 3.1.4 Membantu aktiviti menjana pendapatan dari perundingan untuk mengurangkan kebergantungan kewangan daripada Kerajaan.

4.0 PERUBAHAN KEPADA DASAR DAN GARIS PANDUAN PERUNDINGAN SEDIA ADA

- 4.1 Dasar dan Garis Panduan ini merangkumi takrifan perundingan serta tatacara pendaftaran, pengurusan dan pembayaran bagi projek perundingan yang dijalankan di Universiti.
- 4.2 Secara keseluruhannya, tiada perubahan yang signifikan dilakukan terhadap dasar dan garis panduan sedia ada. Namun demikian, terdapat beberapa perkara yang telah ditambah baik bagi dari segi peratus agihan bayaran pengurusan.
- 4.3 Kadar (%) bayaran pengurusan baru yang lebih kompetitif telah ditetapkan dan telah diselaraskan kepada satu kadar sama, bagi klien sektor kerajaan ("G2G"/Risiko Rendah) dan klien sektor swasta.
- 4.4 Secara umumnya perkhidmatan perundingan dikategorikan kepada tiga (3) jenis seperti berikut:
 - 4.4.1 **Perundingan dan Nasihat Pakar:-** ditakrifkan sebagai kepakaran, nasihat atau maklumat yang diberikan berdasarkan data-data daripada hasil kajian atau serahan dalam bentuk seperti laporan, analisis kajian, reka bentuk, pembangunan modul, kertas kerja, penghasilan produk, pensijilan, penentukuran dan lain-lain.
 - 4.4.2 **Perkhidmatan Latihan dan Kursus:-** jenis-jenis perkhidmatan yang boleh ditawarkan adalah seperti, kursus pendek, latihan (*training*), bengkel, seminar dan lain-lain.
 - 4.4.3 **Perkhidmatan fasiliti dan peralatan Universiti:-** projek-projek yang melibatkan penggunaan fasiliti, peralatan Universiti atau

kepakaran staf yang boleh menyelia dan menasihati dalam pengoperasian/ pengendalian instrumen atau peralatan.

4.5 Dasar dan garis panduan perundingan ini mengandungi perkara berikut:

- 4.5.1 Pengenalan
- 4.5.2 Tafsiran dan Interpretasi
- 4.5.3 Undang-undang
- 4.5.4 Perkhidmatan Perundingan
- 4.5.5 Tanggungjawab
- 4.5.6 Model Perundingan Universiti
- 4.5.7 Tatacara Kewangan & Kadar Pembayaran
- 4.5.8 Tatacara Permohonan Projek Perundingan
- 4.5.9 Penutupan Projek Perundingan
- 4.5.10 Carta Alir Pengurusan Kewangan
- 4.5.11 Carta Alir Daftar Projek Perundingan
- 4.5.12 Ringkasan Proses Kerja Perundingan

5.0 PEMAKAIAN

5.1 Dasar dan Garis Panduan Perundingan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berkuat kuasa mulai 15 April 2024.

5.2 Rujukan Dasar dan Garis Panduan Perundingan adalah seperti **Lampiran Dasar Perundingan** dan **Lampiran Garis Panduan Perundingan**.

5.3 Borang-borang berkaitan perundingan adalah seperti berikut:

- 5.3.1 Borang Daftar Perundingan
- 5.3.2 Borang Laporan Tamat Projek Perundingan
- 5.3.3 Borang Tuntutan Bayaran Projek Perundingan
- 5.3.4 Borang Pindaan Projek Perundingan

5.4 Pindaan di bawah Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU), Bahagian Pengurusan Wang Universiti adalah seperti berikut:

5.4.1 **Bab J : Penjanaaan Pendapatan**

i. Para 7.1 Perkhidmatan Perundingan

5.4.2 Capaian PKPU di laman sesawang Pejabat Bendahari ialah:

<https://pkpu.utem.edu.my/index.php/5-0-bahagian-pengurusan-wang-universiti-pw/bab-j-penjanaaan-pendapatan>

6.0 PEMBATALAN

6.1 Dengan berkuat kuasanya Dasar ini, Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 4 Tahun 2022 mengenai “Dasar Dan Garis Panduan Perundingan Universiti Teknikal Malaysia Melaka” **adalah dibatalkan.**

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah



SABARINA BINTI ABDULLAH

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka